



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 19 JANUARI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5.	MENGAKU TIDAK SALAH PUKUL KUCING HINGGA MATI, DALAM NEGERI, UM -13 WANITA MENGAKU TAK SALAH BUNUH DUA EKOR KUCING, NEGARA, KOSMO -12 PUKUL 2 KUCING SAMPAI MATI, LOKAL, HM -13 PENTERNAK KAMBING RAIH REZEKI LUMAYAN, NEGARA, KOSMO -18 BROKER DIDAKWA BUNUH KUCING, NEGERI P.PINANG, JOHOR, PERAK, SH -27	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6. 7.	MAQIS PATAHKAN CUBAAN BAWA MASUK BUNGA KEKWA KERING TANPA PERMIT, NEGERI P.PINANG, JOHOR, PERAK, SH -27 DICEKUP KETIKA CUBA SELUDUP ANAK POKOK, NEGERI KELANTAN, TERENGGANU, KEDAH, SH -28	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8.	TIGA HIBRID BAHARU DURIAN, GAYA TANI, UM -24	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
9.	213.70 HEKTAR SAWAH MADA 'DISERANG', DALAM NEGERI, UM -32	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
10. 11. 12. 13.	53 LOT NIAGA KAUT UNTUNG 'ATAS ANGIN', NASIONAL, BH -18 PENIAGA TEMPATAN DISYAKI UPAH WARGA ASING, NASIONAL, BH -18 BEKALAN KURANG PUNCA HARGA BARANG KEPERLUAN NAIK, NASIONAL, BH -14 MINYAK MASAK PAKET HABIS, HARGA DALAM BOTOL MELONJAK, NASIONAL, BH -15	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/1/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	13

## Mengaku tidak salah pukul kucing hingga mati

**BUTTERWORTH:** Seorang wanita mengaku tidak bersalah atas pertuduhan memukul dua ekor kucing betina sehingga mati di Mahkamah Sesyen, di sini semalam.

Hah Choy Kheng, 51, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan ke atasnya di hadapan Hakim Norhayati Mohamad Yunus.

Mengikut pertuduhan, dia yang juga seorang broker dengan kejam didakwa memukul seekor kucing betina baka tempatan berwarna jingga dan seekor anak kucing betina baka tempatan berwarna putih-kelabu dengan besi sepanjang 75 sentimeter sehingga menyebabkan kematian kedua-dua kucing itu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan berkenaan kira-kira pukul 1.20 petang pada 29 Disember lalu.

Dia didakwa melakukan kesalahan berkenaan di bawah pokok berhampiran pondok berbumbung di kawasan padang permainan Blok B1, Pin-tas Kalui 1, Seberang Jaya di sini.



**HAH Choy Kheng** dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Butterworth, Pulau Pinang atas dakwaan memukul dua ekor kucing sehingga mati.

# Wanita mengaku tak salah bunuh dua ekor kucing



**CHOY KHENG** menunggu di luar mahkamah sebelum didakwa di Mahkamah Sesyen Butterworth semalam.

**SEBERANG PERAI** – Seorang broker wanita berdepan hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara selepas didakwa di Mahkamah Sesyen Butterworth di sini semalam atas pertuduhan memukul dua ekor kucing betina sampai mati pada bulan lalu.

Tertuuh, Hah Choy Kheng, 51, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan itu di hadapan Hakim Norhayati Mohamad Yunus.

Choy Kheng didakwa dengan kejayannya memukul seekor kucing betina berwarna oren dan seekor anak kucing betina berwarna putih kelabu dengan sebatang besi sehingga mati.

Kesalahan itu dilakukan pada pukul 1.20 tengah hari, 29 Disem-

ber lalu di bawah pokok berhampiran pondok di kawasan padang permainan Blok B1, Pintas Kalui 1, Seberang Jaya di sini.

Pendakwaan dijalankan mengikut Subseksyen 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

Sabit kesalahan, tertuuh boleh dihukum denda RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-dua sekali.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar Pulau Pinang, Roziman Awang Tahrin, manakala tertuuh diwakili peguam Shamsheer Singh Thind.

Mahkamah membenarkan tertuuh diikat jamin sebanyak

RM10,000 dengan seorang penjamin, iaitu jumlah yang dipohon oleh Roziman dan dipersetujui oleh Shamsheer.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 4 Mac depan.

Tertuuh kemudiannya membayar wang jaminan tersebut.

Kosmo! pada 1 Januari lalu melaporkan seorang wanita ditahan reman selepas memukul dua ekor kucing sehingga mati termasuk seekor daripadanya sedang bunting, manakala seekor lagi cedera di bawah sebuah flat di Seberang Jaya.

Wanita itu dikatakan bertindak demikian kerana berang selepas mendakwa beberapa ekor haiwan tersebut kencing di hadapan rumahnya.

# Pukul 2 kucing sampai mati

Oleh Nur Izzati Mobamad  
am@hmetro.com.my

## Butterworth

Seorang broker wanita mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, atas pertuduhan memukul dua kucing sehingga menyebabkan kematian kedua-dua haiwan itu dalam kejadian di Pintas Kalui, Seberang Jaya pada Disember tahun lalu.

Tertuduh Hah Choy Kheng, 51, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Norhayati Mohamad Yunus.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Hah didakwa dengan kejam memukul kucing betina baka tempatan berwarna oren dan anak kucing baka tempatan berwarna putih kelabu dengan besi sepanjang 75 sentimeter hingga menyebabkan-

kan kedua-dua haiwan itu mati.

Wanita itu didakwa melakukan kesalahan terbabit di bawah pokok berhampiran pondok berbumbung di kawasan padang permainan Blok B1, Pintas Kalui 1, Seberang Jaya, jam 1.20 tengah hari pada 29 Disember tahun lalu.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang memperuntukkan hukuman denda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dilan-

kukan Pegawai

Pendakwa Ja-

batan Per-

khidmatan

Veterinar

(JPV) Pu-

lau Pi-

## Broker wanita mengaku tidak bersalah

nang, Roziman Awang Taharin manakala tertuduh diwakili peguam Shamsheer Singh Thind.

Hakim kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 4 Mac depan untuk sebutan semula kes.

Harian Metro sebekum ini melaporkan seekor kucing bunting mati manakala seekor lagi mati selepas seminggu menerima rawatan akibat dipukul dengan besi.

la berlaku apabila wanita terbabit dikatakan berang selepas dua haiwan itu membuang najis di hadapan rumahnya.

Kejadian disedari oleh seorang lelaki yang kemudian melaporkan kesnya kepada JPV.

**Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin**



Hah mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, semalam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/1/2021	KOSMO	NEGARA	18

Muhammad Zikri mampu peroleh RM10,000 sebulan

# Penternak kambing raih rezeki lumayan

Oleh MUHAMMAD ZIKRI

**PONTIAN** – Kegagalan melanjutkan pengajian ke peringkat universiti dan hanya bergantung kepada kelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) tidak menghalang seorang pemuda dari Benut di sini untuk bergelar usahawan berjaya.

Malah, Muhammad Sallehuddin Mohd. Rashid, 29, kini boleh berbangga apabila memiliki jenama sendiri dikenali Salleh Dairy Farm (SDF).

Muhammad Sallehuddin menjelaskan usaha itu dimulakan selepas dia tamat persekolahan 10 tahun lalu dengan membela empat ekor kambing.

Berkat usaha gigih dan tidak pernah mengalah, anak muda itu kini mampu meraih pendapatan mencecah RM10,000 sebulan hasil jualan ternakan, daging segar serta produk tenusu.

Menurut Muhammad Sallehuddin, ladang ternakannya seluas 1.2 hektar kini mempunyai 200 ekor kambing yang ditempatkan dalam empat kandang.

"100 ekor kambing dikhas bagi tujuan sembelihan atau jualan daging segar manakala selebihnya untuk memproses susu dengan pengeluaran sebanyak 12,000 liter setahun.

"Jenis kambing yang diternak pada awalnya baka kambing untuk daging, bebiri dan kambing tenusu di mana kami telah mempunyai kilang pemrosesan



**MUHAMMAD SALLEHUDDIN** bersama ternakan kambing di ladangnya di Jalan Parit Ismail, Benut, Pontian.

hasil susu dengan jenama SDF," katanya ketika ditemui di Jalan Parit Ismail, Benut di sini baru-baru ini.

Tambah Muhammad Sallehuddin, syarikatnya mengeluarkan pelbagai produk susu antaranya susu kambing segar, susu kambing berperisa dan minuman kultur yang dipasarkan di Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Lembah Kelang.

Jelasnya, antara susu kambing berperisa yang dikeluarkan SDF ialah susu perisa coklat, straw-

beri, jagung dan kurma yang dijual dengan harga RM5 sebotol.

"Tahun lepas kami dapat Geran Agropreneur Muda (GAM) sebanyak RM15,000 daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, kami gunakan dana itu untuk beli peralatan pemasteuran susu,"katanya.

Perusahaan itu mendapat bimbingan daripada Pertubuhan Peladang Kawasan Benut, Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pontian serta Fama.



19/1/2021

SINAR  
HARIANNEGERI  
P. PINANG/  
JOHOR/PERAK

27

# Broker didakwa bunuh kucing

Wanita pukul dua kucing hingga mati bagaimanapun mengaku tidak bersalah

Oleh SYAJARATULHUDA  
MOHAMAD ROSLI

BUTTERWORTH

Seorang broker mengaku tidak bersalah memukul seekor kucing betina dan seekor anak kucing sehingga mati di Mahkamah Sesyen Butterworth di sini pada Isnin.

Tertuduh, Hah Choy Kheng membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Norhayati Mohamad Yunus setelah pertuduhan dibacakan terhadapnya dalam bahasa Melayu.

Mengikut pertuduhan, tertuduh melakukan kesalahan itu jam 1.20 petang, 29 Disember lalu di bawah pokok berhampiran pondok berbumbung dalam kawasan padang permainan Blok B1, Pintas Kahui 1, Seberang Jaya, Perai, Seberang Perai Tengah (SPT).

Tertuduh didakwa dengan kejahannya memukul seekor kucing betina baka tempatan berwarna oren dan seekor anak kucing betina baka tempatan berwarna putih kelabu dengan



Tertuduh (tengah) hadir ke Mahkamah Sesyen Butterworth ditemani anak lelakinya pada tarikh.

sebatang besi sepanjang 75 sentimeter (cm) sehingga menyebabkan kematian kedua-dua ekor kucing tersebut.

Sehubungan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Subseksyen 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 29(1) akta yang sama.

Ia diperuntukkan denda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang, Roziman Awang Tahrin menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin.

Sementara itu, peguam tertuduh, Shamsheer Singh Thind

bersetuju dengan tawaran jaminan itu kerana jumlah wang jaminan dilihat munasabah.

Tertuduh bagaimanapun membayar wang jaminan tersebut dan mahkamah menetapkan 4 Mac depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Difahamkan, anak kucing itu mati selepas seminggu menerima rawatan.

Terdahulu, *Sinar Harian* melaporkan seorang wanita yang disyaki memukul seekor kucing bunting sehingga mati ditahan reman empat hari bagi membolehkan siasatan lanjut dibuat oleh JPV.

Difahamkan, dia melakukan perbuatan kejam itu kerana haiwan berkenaan membuang najis di hadapan rumahnya di sebuah flat di Pintas Kahui 1, Seberang Jaya.

## Padah bakar kain, langsir

KEPALA BATAS - Seorang penagih dadah ditahan selepas membakar longgokan pakaian dan kain langsir di rumahnya di Lembah Rajah Pinang Tunggal, Tasek Gelugor di sini pada malam Ahad.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzaiy Mohd Noor berkata, suspek berusia 35 tahun itu ditangkap oleh abang dan sepupunya sebelum diserahkan kepada polis.

Menurutnya, dalam kejadian pada jam 10.40 malam itu, abang suspek yang sedang tidur terjaga apabila terdengar bunyi motosikal di ruang tamu rumah tersebut.

Tambahnya, rumah tersebut merupakan rumah pusaka peninggalan ibu bapa mereka dan didiami empat beradik termasuk suspek.

"Ketika abang mangsa yang berusia 46 tahun sedang tidur, dia terdengar bunyi bisik motosikal di ruang tamu rumahnya. Apabila dia keluar dari bilik untuk memeriksa,

dia mendapati suspek yang juga adik bongsunya sedang membakar longgokan kain dan langsir.

"Panik melihat api yang sedang marak, abang suspek terus memadamkan api menggunakan air. Suspek kemudiannya ditangkap oleh abangnya dan sepupu mereka sebelum menyerahkannya kepada polis," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Beliau berkata, suspek merupakan seorang penganggur dan mempunyai 10 rekod lampau melibatkan tiga kes jenayah dan tujuh kes dadah.

"Dari keterangan abang suspek, adiknya itu bertindak demikian kerana pengaruh dadah. Ujian saringan air kencingnya positif methamphetamine.

"Ketika kejadian, dua beradik lagi tidak berada di rumah kerana bekerja. Kes disiasat mengikut Seksyen 435 Kanun Keseksaan dan Seksyen 511 Kanun Keseksaan," katanya.



Kejadian berlaku di rumah pusaka peninggalan ibu bapa kepada suspek dan juga abangnya.

## Tiga lelaki didakwa bunuh penjenayah

IPOH - Tiga individu dihadapkan ke Mahkamah Majistret Ipoh pada Isnin kerana didakwa membunuh seorang lelaki hujung bulan lalu.

Mengikut pertuduhan, N Avinesh Sarma, 22, S Lingeshwaran, 24, P Siva Raman, 33, didudukkan membunuh K Arun, 34 pada 31 Disember 2020 antara jam 7.40 hingga 8.45 malam berhampiran Kuil Sri Maha Muthu Mariamman, Ladang Tanjung Rambutan, di sini.

Bagaimanapun tiada sebarang pengakuan direkodkan selepas pertuduhan dibacakan serentak di hadapan Majistret Noor Azreen Liana Mohd Da-

rus.

Kesemua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman gantung mandatori jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan sebutan kes pada 18 Mac depan sementara menunggu laporan kimia dan bedah siasat.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwaraya, Fatimah Hannah Abd Wahab manakala ketiga-tiga tertuduh diwakili peguam, yaitu Syahrul Nizam Mohd Rabi dan C Kalidewi.

Pada 1 Januari lalu, seorang lelaki ditemui mati dengan be-

berapa kesan tetapan pada badan dan tangan di kawasan belukar berhampiran sebuah kuil di Tanjung Rambutan, di sini.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner A Asmadi Abdul Aziz berkata, mangsa seorang lelaki berusia 34 tahun itu ditemui orang awam yang ingin memikat burung di kawasan tersebut kira-kira jam 11.30 pagi.

Menurutnya, hasil semakan pihak polis mendapati mangsa mempunyai 12 rekod lampau termasuk dua kes di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan berkaitan kes bunuh dan beberapa kes jenayah lain.

## Maqis patahkan cubaan bawa masuk bunga kekwa kering tanpa permit

JOHOR BAHRU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mematahkan cubaan membawa masuk bunga kekwa kering dari Singapura di Kompleks Sultan Abu Bakar di sini pada Ahad.

Pengarahnya, Nur Afifah A Rahman berkata, aktiviti itu terbongkar apabila pihaknya melakukan pemeriksaan terhadap sebuah lori di laluan lori import di kompleks terabit kira-kira jam 4 petang.

"Hasil pemeriksaan ke atas lori menemukan sebanyak 320 kilogram bunga kekwa kering yang dimuat dalam 40 kotak

dianggarkan bernilai RM17,664.

"Produk bunga kekwa kering itu dipercayai dibawa masuk ke Malaysia tanpa sebarang dokumen yang sah seperti permit import Maqis dan sijil rawatan dari negara asal," katanya menerusi satu kenyataan pada Isnin.

Menurut Nur Afifah, perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit import yang sah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/1/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN/ TERENGGANU/ KEDAH	28

# Dicekup ketika cuba seludup anak pokok

PGA rampas tanaman bernilai RM102,900, pacuan empat roda

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

## RANTAU PANJANG

**P**elaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negeri ini tidak menggerunkan seorang wanita apabila dia dicekup anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 9 Kuala Terengganu ketika cuba menyeludup masuk secara haram anak pokok dari Thailand yang bernilai RM102,900.

Wanita berusia 46 tahun itu dicekup pada jam 7.30 malam di pangkalan haram Jeram Perdah 1 di sini pada Sabtu.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 9, Superintendan Nor Azizan Yusof berkata, sebuah kenderaan pacuan empat roda yang digunakan untuk menyeludup turut dirampas dalam serbuan itu.

“Selepas setengah jam membuat intipan di kawasan itu, sepasukan anggota PGA telah melihat sebuah pacuan empat roda telah memasuki kawasan pengkalan haram itu.

“Selang beberapa minit ke-



PGA Batalion 9 Kuala Terengganu berjaya mematahkan cubaan menyeludup masuk secara haram anak pokok dari Thailand.

mudian, sebuah bot dari arah Thailand telah menghala ke kawasan tebing sungai di pangkalan haram tersebut,” katanya kepada di sini pada Ahad.

Menurutnya, kemudian sekumpulan lelaki memungkah bungkusan plastik dari perahu ke pacuan empat roda tersebut.

Katanya, menyedari kehadiran anggota PGA, mereka terus melarikan diri ke negara jiran menggunakan perahu.

Beliau berkata, bagaimanapun wanita yang memandu pacuan empat roda itu berjaya dicekup.

Nor Azizan berkata, pemeriksaan bahagian belakang pa-

cuan empat roda itu membawa kepada penemuan beberapa bungkusan plastik mengandungi pokok hiasan.

Tambahnya, kesemua pokok hiasan itu dipercayai untuk pasaran tempatan dan luar Kelantan bergantung kepada permintaan.

“Nilai keseluruhan rampasan termasuk kenderaan dianggarkan berjumlah RM142,900,” katanya.

Katanya, kesemua barangan rampasan diserahkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan untuk siasatan lanjut.





DR. JOHARI Sarip menunjukkan antara varieti durian hasil penyelidikan MARDI

DURIAN D24 antara yang popular dalam kalangan penggemar raja buah itu.



## Tiga hibrid baharu durian

Oleh LAUPA JUNUS  
gayautusan@medianula.com.my

**K**EGILAAN peminat durian terhadap Raja Buah di Malaysia menjadi lebih ketara apabila tiba musim durian. Durian atau nama saintifiknya *Durio zibethinus* hidup subur di negara ini yang beriklim Khatulistiwa.

Durian yang kini merupakan salah satu sumber pendapatan eksport utama negara dengan jumlah 22,161 tan metrik bernilai lebih RM95 juta pada tahun 2019.

Bagi tempoh sepanjang 2002 hingga 2011 dan 2011 hingga 2019 eksport durian telah berkembang hingga mencecah RM172 juta setelah ia berjaya menembusi pasaran China pada 2011.

Ini menunjukkan nilai eksport telah meningkat sebanyak 150 peratus berbanding RM38.1 juta pada 2011 berbanding RM95.4 tahun lalu.

Peningkatan yang memberangsangkan ini menandakan durian Malaysia adalah merupakan makanan eksotik dengan kualiti premium yang dapat diterima oleh masyarakat luar Malaysia.



**Ini bermakna pokok durian yang ditanam melalui biji benih, kebiasaan berbeza ciri daripada pokok asalnya"**

Antara durian yang popular di Malaysia adalah seperti D2 (Dato' Nina), D24, D145 (Beserah), D197 (Musang King), D168 (Hajjah Hasmah atau Mas Muar) serta pelbagai lagi klon-klon yang lain.

Populariti durian ini kadangkala di luar jangkauan dan sentiasa mendapat permintaan daripada peminatnya tersendiri meskipun di luar musim. Keinginan peminat dan penggemar raja buah ini lazimnya berkait rapat dengan keunikan jenis atau klon tertentu.

Genetik tanaman durian adalah bersifat heterozigot, menunjukkan generasi F1 berkemampuan menghasilkan kepelbagaian ciri (fenotip) walaupun hanya melalui pendebungaan sendiri.

Ini bermakna pokok durian yang ditanam melalui biji benih, kebiasaan berbeza ciri daripada pokok asalnya.

Walaupun bagaimanapun, terdapat keberangkalian sangat kecil boleh berlaku yang terhasil daripada biji benih ini sama ada mampu mengeluarkan buah yang lebih berkualiti berbanding induknya.

Pokok ini merupakan genotip atau aksesori baharu yang berpotensi dikomersialkan. Baka baharu ini juga sering disebut sebagai Pilihan Petani (farmers' selection), seperti durian D168 dan D197.

Kajian baik baka durian telah lama dijalankan di negara ini sejak tahun 1970-an dan penyelidikan mengenai penghasilan klon durian diperhebatkan selepas Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) ditubuhkan.

Menurut Pengarah Pusat Penyelidikan Hortikultur MARDI, Dr. Johari Sarip, agensi



### CIRI CIRI TIGA HIBRID DURIAN

#### MDUR 78

- » Hasil kacukan D10 x D24.
- » Isi manis berlemak dan sedikit pahit.
- » Saiz buah sederhana dengan kulit yang tebal.

#### MDUR 79

- » Hasil kacukan D24 x D10.
- » Isi manis dan berlemak.
- Saiz buah sederhana dengan kulit yang nipis.


#### MDUR 88

- » Kacukan D24 x D10.
- » Saiz ulas yang besar dengan isi tebal.
- » Isinya berwarna kuning keemasan.
- » Manis berlemak.
- » Tahan penyakit kanker batang.
- » Sesuai ditanam bersama klon D99, D145, D168 atau D24 sebagai pokok klon pendebunga.

tersebut berjaya melancarkan tiga hibrid durian iaitu MDUR 78, MDUR 79 dan MDUR 88 yang mempunyai keistimewaan tersendiri. Ia dibangunkan daripada kacukan di antara induk terpilih iaitu D24 dan D10, MARDI kini sedang promosi dan menyebarkan penanaman klon-klon tersebut.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/1/2021	UTUSAN MALAYSIA	GAYA TANI	25



SALAH satu ciri durian yang menarik perhatian adalah warnanya yang kekuningan.

**CIRI-CIRI DURIAN BERKUALITI**

- » Selimbang rasa lemak, manis dan pahit.
- » Warna kuning/keemasan.
- » Bentuk yang simetri dan berisi penuh.
- » Panjang tempoh hayat simpanan dan tidak mudah merekah.
- » Isi tebal.
- » Tahan kepada penyakit.

rasa semasa pengguna.

Mengenal kualiti buah yang menjadi pilihan pengguna, Dr. Johari berkata, ia bergantung kepada beberapa faktor antaranya budaya dan individu yang menilai. Kebanyakan pengguna memilih durian yang mempunyai citarasa pahit, lemak dan manis yang selimbang seperti MDUR 88, disamping warna isi dan aroma tertentu menjadi pilihan.

Tidak kurang pula penggemar durian berpendapat Musang King adalah yang terbaik kerana ramai yang pernah merasainya akan berkata demikian dan dipopularkan dari mulut ke mulut oleh penggemar durian tersebut.

Ada juga yang mengatakan klon durian terbaik adalah yang berisi tebal dan rasa manis tetapi itu pendapat masyarakat Melayu sedangkan

kaum Cina lebih sukakan durian yang mempunyai rasa pahit.

Selain itu, warna isi juga memberikan peranan penting. Isi durian berwarna kuning lebih digemari berbanding putih. Ketebalan isi serta keseimbangan rasa lemak, manis dan pahit antara faktor penentu kualitinya. Namun bagi penyelidik, beberapa ciri lain bagi durian juga harus diambilkira seperti mempunyai ketahanan terhadap serangan penyakit.

Dalam pada itu, menurut Dr. Johari Sarip kerja-kerja menentukan ketulenan sesuatu klon durian tidak mudah dilakukan. Beliau berkata pemilihan klon durian tempatan boleh ditentukan berdasarkan Garis Panduan Ujian (Testing Guidelines / TG) bagi menguji kelainan, keseragaman dan kestabilan (Distinctness, Uniformity and Stability / DUST) klon berkenaan. Beliau berkata, TG tersebut dibangunkan oleh Kesatuan Antarabangsa Bagi Perlindungan Tanaman Varieti Baharu (UPOV) di Geneva Switzerland pada 2013. "Menerusi pencirian ini, terdapat 54 ciri-ciri ditentukan dalam pelbagai peringkat sepanjang satu kitaran pertumbuhan," ujarnya.

Pencirian klon durian melalui pendekatan molekul seperti kaedah penggunaan capjari dan penanda molekul juga mampu membezakan di antara pelbagai klon durian dan mengesahkan ketulenan sesuatu klon.

Beliau turut mendedahkan, MARDI sedang meneruskan penyelidikan bagi mengeluarkan hibrid baharu durian menerusi kaedah pembalokan konvensional yang turut dibantu pendekatan molekul. Kacukan silang di antara beberapa induk yang mempunyai ciri terpilih dilaksanakan bagi menghasilkan populasi hibrid yang superior atau lebih baik daripada induk asal bagi memenuhi cita



SEMBURAN foliar bagi menangani kanser pokok durian.



19/1/2021

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

32

# 213.70 hektar sawah MADA 'diserang'

Oleh **JAMLIJAH ABDULLAH**  
utusannews@mediamulla.com.my

**ALOR SETAR:** Sebanyak 213.70 hektar sawah padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) diserang bena perang pada musim 2/2020 bermula Oktober lalu hingga 16 Januari lepas.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, pada masa sama, sebanyak 131 ben-dera amaran dinaikkan di selu-ruh kawasan itu bagi memberi peringatan kepada para pelad-ang berhubung serangan bena perang di kawasan terlibat.

"Serangan membabitkan kawasan seluas 8.48 hektar di Wilayah I, Perlis; 35.55 hektar (Wilayah II, Jitra), 23.16 hek- tar (Wilayah III, Pendang) dan 146.51 hektar (Wilayah IV, Kota Sarang Semut)," katanya di sini semalam.

Sabtu lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan kebimbangan pe- sawah Kampung Dulang Besar di Yan, dekat sini berhubung kerugian pada musim ini apa- bila pokok padi mereka diserang penyakit bena perang atau 'bom' sejak awal bulan ini.

Serangan penyakit tersebut mudah merebak yang mana

sekitarnya tidak dikawal boleh merebak ke kawasan berdekatan seperti Kuala Sungai Daun, Kuala Sungai Limau, Sungai Tongkang, Sungai Kering dan Kuala Sedaka.

Bena perang (*Nilaparvata lu- gens*) adalah serangga perosak utama tanaman padi.

Ahmad Tarmizi memberitahu, bagi mengatasi masalah itu, MADA melaksanakan beberapa tindakan bagi mengurangkan risiko serangan perosak ter- hadap tanaman padi termasuk bena perang.

Katanya, antara inisiatif itu adalah memperkenalkan teknologi

Bena perang menyerang padi di Yan



secara berterusan pada setiap musim penanaman padi.

"Pada Musim 2/2020, pene- kanan kempen pengembangan melibatkan lima aspek iaitu kempen pematuhan jadual tanaman, kempen tabur terus dalam air bertakung, kempen pengurusan rumpai padi, kem- pen pengurusan perosak dan kempen pematuhan amalan agronomi," katanya.

Selain itu, katanya, program pengawasan dan ramalan di- lapangan dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Biosekuriti Tumbuhan (BBT), Jabatan Pertia- nian bagi memantau penyakit itu.

terkini kepada para peladang di kawasan Muda melalui pelak- sanaan kempen pengembangan



19/1/2021

BERITA HARIAN

NASIONAL

18

Isu Pasar Borong Selangor

# 53 lot niaga kaut untung 'atas angin'

PKPS kenal pasti tapak disewakan lebih tinggi kepada pihak ketiga

Oleh Safeek Affandy Razali dan Faris Fuad  
bhnews@bh.com.my

Serdang: Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) mengenal pasti 53 lot niaga di Pasar Borong Selangor, di sini, disewakan kepada pihak ketiga terutama warga asing untuk mengaut untung 'atas angin'.

Pemolng Pengurus Operasi PKPS, Jamaluddin Mohamed Subari, berkata maklumat diterima pihaknya mendapati ada lot niaga di situ disewakan lebih tinggi, berbanding kadar ditetapkan PKPS dan maupun meraih untung mudah antara RM500 hingga RM1,000 sebulan. Katanya, biasanya kadar ditetapkan PKPS bagi lot niaga sayur-sayuran ialah RM1,320 sebulan, manakala lot barang basah seperti daging, ikan dan ayam pada kadar RM1,658 sebulan tetapi pihaknya menerima maklumat ada sesetengah pemilik lot menyewakan pula lot niaga mereka pada kadar lebih tinggi sehingga mencecah RM3,000 sebulan.

"Semua ini kita pantau dan akan ambil tindakan tegas. Ka-

lau terbukti salah, kita akan tarik balik lot itu dan membekirkannya kepada individu lain yang berminat. Pemilihan peryewa akan dibuat menerusi sesi temu duga," katanya kepada BH, semalam.

Jamaluddin berkata, PKPS selaku pemilik pasar borong terbahit ketika ini berada pada fasa akhir untuk mengambil tindakan tegas termasuk menarik balik lot perniagaan itu daripada pemilik warga tempatan.

Bagaimanapun, katanya, pihak perbadanan masih memberi peluang kepada pemilik lot niaga untuk membuat rayuan dan memberi penjelasan sebelum tindakan selanjutnya diambil dalam masa terdekat.

Mengenai kebanjiran etnik Rohingya di Pasar Borong Selangor, Jamaluddin berkata, kira-



Petugas Operasi Pasar Borong Selangor melakukan pemeriksaan terhadap peniaga warga asing di Pasar Borong Selangor, Seri Kembangan, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

kira 300 etnik terbahit bekerja di pasar berkenaan daripada keseluruhan lebih 600 warga asing yang dikesan.

"Secara keseluruhan, lebih 600 warga asing yang bekerja di sini, termasuk dari Indonesia dan Bangladesh. Kebanyakan mereka berusia lingkungan 20-an dan bekerja menunggang, mengangkut dan menyusun barang jualan serta kerja berat lain," katanya.

Sementara itu, Ketua Peng-

arah Imigrasi, Datuk Khairul Dzamee Daud, berkata etnik Rohingya yang memegang kad UNHCR dibenarkan bekerja bagi menyara kehidupan mereka di negara ini, tetapi tidak dibenarkan berniaga kerana status mereka sebagai pendatang asing tanpa izin (PATI).

Katanya, sepanjang tahun lalu, Jabatan Imigrasi sudah mengatakan 27 operasi pengukuasaan bagi membantulas PATI dan 37 operasi di Pasar Borong Selangor.

Semalam, BH mendedahkan kehadiran terlahu ramai warga asing, khususnya etnik Rohingya di Pasar Borong Selangor sejak tahun lalu, sama ada sebagai pekerja atau pemilik perniagaan di situ, mencetuskan kebimbangan pengguna tempatan untuk bertelanjah.

Mereka dilihat menguasai hampir keseluruhan lot niaga berangan basah seperti ikan, ayam, daging dan sayur-sayuran dalam pasar borong terbahit.

Berdasarkan syarat PKPS, Pasar Borong Selangor yang mempunyai 260 lot niaga hanya boleh dikendalikan warga tempatan, namun tinjauan BH pada

Jumaat lalu, mendapati lebih 60 peratus warga asing yang bekerja dan berniaga di situ adalah etnik Rohingya selain Bangladesh dan Indonesia.

Beberapa pengunjug pasar terbahit yang ditemui BH, mendakwa pernah diugui dan dimaki hamun sewenang-wenangnya pekerja dan peniaga warga asing di situ apabila tidak jadi membekalkan jualan mereka.

Mereka juga percaya ramai kalangan etnik Rohingya itu berasal dari kawasan sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur di Selangor yang berpindah ke situ susulan langkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melarang pekerja warga asing di sana.

Sehubungan itu, pengunjug menuntut kerajaan negeri 'membersihkan' pasar berkenaan daripada warga asing, sama seperti dilakukan DBKL terhadap Pasar Borong Kuala Lumpur yang mengambil langkah drastik melarang kehadiran warga asing, sama ada sebagai pekerja atau peniaga, selain memastikan hanya pemilik sah menguruskan perniagaan di situ.



Keratan akhbar BH, semalam.

# Peniaga tempatan disyaki upah warga asing

**Serdang:** Polis tidak menolak kemungkinan ada dalam kalangan peniaga tempatan di Pasar Borong Selangor di Seri Kembaran, di sini, menggajikan warga asing sehingga jumlah mereka di lokasi perniagaan itu semakin ramai kebelakangan ini.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner Razali Abu Samah, berkata keadaan itu juga didakwa menimbulkan rasa kurang senang pengujujng kerana harga barangan dijual pekerja asing terbabit dikatakan lebih tinggi berbanding harga pasaran.

Beliau mengakui, pihaknya mendapati kebanyakan isu yang tercetus di pasar borong itu disebabkan rasa tidak puas hati pe-

ngujujng dengan pekerja asing yang disyaki diupah oleh pemilik lot niaga di pasar berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, Pertubuhan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) selaku pemilik pasar berkenaan boleh mengambil tindakan mengusir atau menyenarai hitam pemilik lot jualan yang melakukan kesalahan termasuk meletakkan harga sesuka hati.

"Polis akan bertindak jika ada unsur ancaman keselamatan di timbulkan pihak yang mungkin tidak berpuas hati ketika PKPS melaksanakan pemutihan peniaga di pasar itu bagi mengesan mereka melakukan kesalahan.

"Kami tidak akan berkompromi terhadap sebarang unsur yang mengancam keselamatan dan unsur jenayah, sama ada terhadap pengujujng, kakitangan PKPS atau mana-mana pihak,"



**Razali Abu Samah**

katanya ketika dihubungi BH.

Razali memberi jaminan, pihaknya akan bekerjasama dengan PKPS melakukan operasi bersepadu dalam masa terdekat bersama agensi penguatkuasaan lain termasuk Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

Katanya, bantuan itu bagi 'membalikan' Pasar Borong Selangor daripada warga asing yang dilaporkan mula mengalih tumpuan ke lokasi berkenaan dari Pasar Borong Kuala Lumpur.

Razali berkata, pemantauan dan pemeriksaan di sekitar kawasan Pasar Borong Selangor kerap dilakukan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang dan setakat ini pihaknya tidak me-

nerima maklumat atau aduan orang awam berhubung sebarang kejadian mengancam keselamatan masyarakat setempat di kawasan terbabit.

"Meskipun tiada kejadian secara harian oleh pegawai dan pemantauan sentiasa dilakukan dengan kerjasama pegawai dan anggota dari Balai Polis Seri Kemangan serta IPD (Ibu Pejabat Polis Daerah) Serdang sendiri.

"Perdasarakan risikan Cawangan Khas IPD Serdang, sehingga hujung tahun lalu, tiada sebarang elemen, khususnya warga asing pelarian Rohingya cuba menguasai aktiviti jualan dan perniagaan di pasar borong berkenaan," katanya.



Oleh Mohamed Farid Noh, Asrol Awang, Muhammad Zulsyamini Sufian Suri, Hassan Omar, Hazira Ahmad Zaidi, Ramli Ibrahim, Zuliaty Zulkiffli, Zatul Iffah Zolkiply, Adnan Ibrahim, Siti Haliza Yusop dan Hazira Ahmad Zaidi  
bhnews@bh.com.my



Kamal Kamsan (kiri) melayan pelanggan di gerainya di Pasar Awam Taman Dahlia, Johor Bahru. (Foto Zain Ahmed/BH)

## Bekalan kurang punca harga barang keperluan naik

Status halal daging sejuk beku, keadaan banjir pengaruhi permintaan

**Kuala Lumpur:** Harga beberapa barangan basah seperti ayam dan sayuran di Johor, Perak, Pahang dan Kelantan mengalami kenaikan harga sejak beberapa hari lalu.

Difahamkan, kenaikan harga sayuran disebabkan kekurangan bekalan, manakala peningkatan harga ayam pula dikatakan pengguna kini mengelak membeli daging sejuk beku susulan pembongkaran sindiket kartel daging tidak halal di negara ini.

Di Johor, tinjauan di pasar sekitar Tampoi mendapati harga ayam segar mengalami kenaikan ketara, iaitu RM8 sekilogram (kg), berbanding RM6.80/kg minggu lalu.

Turut naik mendadak harga sawi RM9/kg, berbanding RM4.50/kg minggu lalu, kacang panjang dan kacang buncis RM14.50/kg, berbanding RM7/kg minggu lalu. Paling ketara, harga cili merah naik RM20/kg, berbanding RM12/kg minggu lalu.

Peniaga ayam segar dan daging di pasar basah di Tampoi, Mohd Kamal Kamsan, 51, berkata harga

ayam segar melonjak naik berikutan permintaan tinggi sejak bulan lalu.

"Harga ayam segar mengalami kenaikan RM1 secara berperingkat sejak bulan lalu. Sebelum ini harganya RM6.80/kg, namun kini RM8/kg."

"Ramai pengguna mengeluh, namun kami peniaga tiada pilihan kerana terima ayam pada harga tinggi daripada pembekal. Faktor peningkatan ketara harga ayam segar berikutan pengguna kini mengelak membeli daging sejuk beku selepas berita status halal daging menjadi kontroversi sejak awal bulan lalu," katanya.

Peniaga sayur, Wan Baharuddin, berkata bekalan sayur yang berkurangan menyebabkan harganya naik mendadak ketika ini disebabkan banjir, selain kekurangan bekalan di pasaran.

Suri rumah, Parni Suroji, 50, berkata sebagai pengguna dia memang berasa terbeban dengan kenaikan harga barangan keperluan basah, terutama ayam dan sayuran.

"Hari ini (semalam) saya beli kacang panjang, sawi dan cili padi, selain beberapa keping tempe pun sudah RM25. Sebelum ini, harga barangan sama tidak sampai pun RM12."

"Jika harga barang keperluan terus naik selepas ini sudah pasti ramai pengguna yang akan terjejas," katanya.

Di Perak, peniaga sayur di Pasar Besar Ipoh, Saiful Azrin Sham-

sudin, 34, berkata berlaku peningkatan ketara harga tomato Cameron Highlands diperolehnya daripada pemborong, iaitu RM9/kg, berbanding kurang RM4/kg hujung tahun lalu.

"Sayur lain yang turut mengalami kenaikan harga ialah kacang bendi, kobis, kacang panjang dan terung," katanya.

Di Kelantan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Gua Musang mengakuti berlaku kenaikan harga sayuran yang dijual di sekitar bandar ini.

Ketua Pegawai Penguat Kuasanya, Mohd Koma Shapil, berkata kekurangan bekalan sayur disebabkan banjir belum pulih sepenuhnya, selain kenaikan harga sayuran kerana penutupan pasar besar di bandar ini.

"Kenaikan harga sayur daripada pemborong di Cameron Highlands juga disebabkan perhubungan jalan raya di Lojing terputus, baru-baru ini," katanya.

Di Pahang, dua pemborong dan 25 peruncit di daerah ini membatalkan pasar raya, pasar awam dan kedai runcit yang menjual barangan basah diberikan Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) oleh KPDNHEP Kuantan.

Pengarahnya, Datuk Mark Ujin, berkata notis itu bertujuan untuk dianalisis bagi memastikan tiada elemen mengaut keuntungan melampau dalam kalangan peniaga yang menjual atau membekalkan



Harga beberapa jenis sayur dijual lebih mahal kerana kekurangan bekalan di Pasar Awam Taman Dahlia, Johor Bahru, semalam.



Orang ramai membeli sayur di Pasar Besar Jalan Othman, Petaling Jaya, semalam. (Foto Robanis Shukri/BH)



Saiful Azrin menunjukkan tomato diperoleh daripada pemborong di Cameron Highlands di Pasar Besar Ipoh. (Foto Muhammad Zulsyamini Sufian Suri/BH)

barangan basah.

"Pemeriksaan dilakukan susulan laporan BH mengenai harga beberapa barangan keperluan didapati meningkat, terutama ikan, sayur dan bawang merah sejak beberapa hari lalu," katanya.

Beliau berkata, sesi libat urus

bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Pahang (PERNEPA) turut dilaksanakan.

"Hasil siasatan mendapati, barangan basah seperti ikan dan



## Minyak masak paket habis, harga dalam botol melonjak

**Johor Bahru:** Bekalan minyak masak paket sekilogram (kg) di sekitar bandar raya ini kehabisan sejak dua minggu lalu, sekali gus menyebabkan pengguna resah.

Tinjauan *BH* di beberapa pasar, pasar mini dan kedai serbaneka di Tampoi, Skudai dan Taman Perling, di sini, mendapati kebanyakan kedai sudah keputusan bekalan itu dan mendakwa, tidak lagi mendapat bekalan daripada pembekal.

Harga minyak masak botol 5kg di pasaran pula melonjak naik RM28 sebotol, berbanding antara RM21.50 hingga RM22.90 sebelum ini.

Harga minyak masak dalam botol 2kg yang dijual antara RM9.90 hingga RM11 sebotol, kini naik kepada RM12.50 hingga RM14.

Suri rumah, Parni Suroji, 50, berkata dia kini terbeban kerana harga minyak masak botol naik mendadak menyebabkannya tiada pilihan, selain terpaksa membeli bahan keperluan itu.

"Saya sebenarnya mahu beli minyak masak paket yang dijual RM2.50 sepaket kg, namun sejak minggu lalu ia sudah kehabisan di semua kedai," katanya ketika ditemui.

Peniaga, Iskandar Talib, 56, pula mendakwa sejak dua minggu lalu dia tidak lagi menerima bekalan minyak masak paket, walaupun sudah membuat pesanan kepada pembekal.

"Pembekal mendakwa tiada stok, selain memberitahu mereka menerima permintaan lebih tinggi daripada biasa sejak bulan lalu," katanya.

Sementara itu, di Kluang, minyak masak botol dikesan mengalami kenaikan antara 50 sen hingga RM3, namun harga paket masih tidak berubah, iaitu RM2.50.

Bagaimanapun, bekalan minyak masak paket sukar diperoleh di hampir setiap kedai runcit dan pasar raya.

Peniaga kedai runcit, M Sariosah, 53, berkata minyak masak botol 1kg yang diperolehny-



Pengurus pasar raya, Md Aliff Hashim menunjukkan rak minyak masak paket yang kosong sejak minggu lalu di Taman Dahlia, Johor Bahru.

**Pemeriksaan anggota penguat kuasa mendapati kenaikan harga minyak masak bagi botol 5kg itu hanya bابتikkan jenama tertentu dan berlaku di beberapa lokasi.**

**Rosol Wahid, Timbalan Menteri KPDNHEP**

ripada pembekal terpaksa dijual 50 sen lebih mahal daripada harga jualan sebelum ini.

"Harga minyak masak botol 2kg naik sehingga 70 sen, manakala 5kg naik antara RM1.75 hingga RM3 mengikut jenama," katanya.

Di Terengganu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengeluarkan enam notis untuk menjalankan siasatan terhadap peniaga yang didakwa menaikkan harga minyak masak sawit dalam botol 5kg.

Timbalan Menterinya, Datuk

Rosol Wahid, berkata enam notis itu dikeluarkan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 (AKHAP 2011) susulan tiga aduan diterima membabitkan kenaikan harga minyak masak botol 5kg yang dikatakan meningkat sejak minggu lalu.

Belliau berkata, ia membabitkan dua kes di Johor dan satu kes di Putrajaya dalam tempoh 1 hingga 15 Januari lalu.

"Pemeriksaan anggota penguat kuasa mendapati kenaikan harga minyak masak bagi botol 5kg itu hanya membabitkan jenama tertentu dan berlaku di beberapa lokasi.

"Walaupun aduan diterima tidak banyak, kita pandang serius isu ini dan tidak berkompromi dengan mana-mana pihak menaikkan harga sesuka hati," katanya ketika melakukan tinjauan minyak masak di sebuah pasar raya di Kuala Berang, semalam.

Rosol berkata, kenaikan harga minyak masak botol berlaku kerana peningkatan harga sawit mentah di pasaran sejak beberapa bulan lalu dengan nilai terkini komoditi itu mencecah RM800 satu tan.

Di Kedah, bekalan minyak masak di tiga daerah di negeri ini didapati berkurangan menyebabkan orang ramai, terutama peniaga makanan sukar membuat pembelian.

Peniaga, Fauzi Sharif, 60, berkata walaupun kekurangan bekalan tidak menyebabkan harga minyak masak meningkat, dia terpaksa menghadkan pembelian maksimum dua paket kepada setiap pelanggan.

Di Melaka, tiada isu kekurangan bekalan minyak masak atau peningkatan harga dikesan di negeri ini sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pengarah KPDNHEP negeri, Norena Jaafar sebaliknya berkata, pemeriksaan rutin anggota penguat kuasa mendapati kes-umpama itu tidak berlaku.



Roti putih Gardenia dapat permintaan tinggi sejak pelaksanaan PKP ketika jualan di sekitar pasar raya di Kuala Lumpur, semalam.

beberapa jenis sayuran mengalami sedikit kenaikan harga disebabkan beberapa faktor.

"LKIM Pahang memaklumkan musim tengkujuh yang sedang melanda negeri di pantai timur menyebabkan nelayan tidak dapat turun ke laut, sekali gus menjejaskan bekalan ikan segar di pasaran sekitar Kuantan, manakala AMA pula memaklumkan hujan berterusan sejak dua minggu keelakangan ini menjejaskan pekebun tempatan yang menyebabkan kualiti dan kuantiti hasil sawit merudum," katanya.

Di Kuala Lumpur, harga kebanyakan barangan keperluan harian di pasaran kekal tanpa sebarang kenaikan sepanjang pelaksanaan PKP.

Tinjauan *BH* di beberapa pasar raya dan kedai runcit sekitar ibu kota mendapati, bekalan barangan harian mencukupi bagi menampung keperluan pengguna.

Kakitangan Jualan Pasar Raya Pak Aji, Samsul Ardi, 38, berkata selain harga minyak masak dalam botol yang naik secara berpering-

kat sejak beberapa bulan lalu, harga barangan keperluan lain kekal pada harga biasa.

Sementara itu, roti jenama Gardenia kembali menjadi rebutan di bandar raya ini dengan kebanyakan premis jualan kehabisan bekalan roti itu hanya dalam tempoh dua jam.

Peniaga, Ramli Ahmad, 28, berkata bekalan roti putih Gardenia yang dijual di kedainya habis hanya dalam tempoh dua jam sejak minggu lalu.

"Roti putih Gardenia akan habis menjadi rebutan pengguna sebelum jam 9.30 pagi," katanya.

Peniaga kedai runcit di Kota Bharu, Kelantan, Edy Saputra Mohd Ali, 27, berkata sejak pelaksanaan PKP, roti yang dijual habis dibeli pelanggan dalam tempoh kurang daripada tujuh jam.

"Sebelum ini, ada pelanggan yang datang ke kedai memberitahu beberapa kedai yang dikunjunginya tiada stok roti kerana ada segelintir individu yang membelinya dalam kuantiti yang banyak," katanya.



Pelanggan mendapatkan bekalan minyak masak di pasar raya di sekitar Kuala Berang, Terengganu, semalam. (Foto BERNAMA)